

SISTEM E-ZAKAT DI POLITEKNIK UNGKU OMAR

Sharifah Lailaton Khadijah Syed Abdullah¹, Zanidah Binti Ithnin² dan Amir Fariz Che Man³

¹Jabatan Kejuruteraan Awam, ²Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, ³Jabatan Pengajian Am
Politeknik Ungku Omar
Ipoh, Perak

¹lailaton@puo.edu.my

²nidah@puo.edu.my

³fariz@puo.edu.my

Abstract: Sistem e-Zakat PUO merupakan satu sistem pengurusan permohonan zakat pelajar secara atas talian. Sebelum sistem ini diwujudkan, pihak pengurusan zakat Politeknik Ungku Omar (PUO) menghadapi masalah dalam pengurusan dokumen permohonan yang rumit di samping pengurusan data yang tidak teratur. Perkara ini menyumbang kepada pengurusan kerja yang kurang efektif dan membebankan. Justeru, Sistem e-Zakat PUO dibangunkan untuk mengatasi masalah ini dari sudut memudahkan pengurusan permohonan secara menyeluruh. Melalui sistem ini, pelajar tidak perlu lagi untuk mengisi borang secara manual sebaliknya hanya membuat permohonan secara atas talian di pautan www.zakatpuo.com. Seterusnya, sistem akan menjana pengiraan zakat sekaligus memudahkan pegawai pengurusan zakat untuk membuat semakan serta mengemaskini status permohonan secara atas talian. Akhir sekali, status kelayakan temuduga calon penerima zakat serta senarai pelajar layak menerima zakat akan dipaparkan untuk maklumat pelajar dan pihak pengurusan. Keistimewaan sistem ini ialah data permohonan dan hasil keputusan pengiraan serta status akhir pelajar akan disimpan di dalam pangkalan data bagi mengelakkan kehilangan dan pertindihan data. Sistem ini berjaya meningkatkan produktiviti proses kerja dan menyumbang kepada penyimpanan data yang selamat dan tepat.

Keywords: Zakat, sistem, penyimpanan data

1. Pengenalan

Zakat merupakan satu perkataan yang berasal dari negara Arab iaitu ‘al-zakah’. Ia bermaksud suci, rahmat, berkat, berkembang, subur, bertambah dan sedekah. Dari segi istilah pula, zakat bermaksud penyerahan yang wajib dilakukan ke atas sebahagian harta kekayaan dari sumber yang halal dan baik yang dimiliki oleh seseorang yang beragama Islam kepada golongan tertentu yang berhak menerimanya.

Menurut Kamus Dewan edisi keempat, zakat merupakan rukun Islam yang keempat yang mewajibkan seseorang Islam mengeluarkan sebahagian daripada hartanya kepada orang yang berhak menerimanya (seperti fakir miskin), mengikut syarat-syarat yang ditentukan. Terdapat lapan golongan atau asnaf yang berhak menerima zakat iaitu miskin, fakir, muallaf, amil, gharimin, ibnu sabil dan riqab. Pada zaman dahulu, proses pembayaran dan penerimaan zakat dianggap leceh serta tidak efisien kerana semua urusan adalah melalui kaedah manual. Semua maklumat dan urusan perlu menggunakan borang tertentu. Maklumat-maklumat yang diisi perlu diteliti dan dimasukkan semula ke dalam komputer bagi mendapatkan data secara digital. Kaedah ini memakan masa yang lama.

Di era globalisasi ini, masyarakat Islam tidak boleh lari daripada menjadi pengguna teknologi terkini yang dicipta bagi memudahkan cara semua perkara. Maka, sistem pengurusan zakat juga perlu berubah agar proses untuk agihan zakat sampai kepada asnaf dapat dipercepatkan. Ini penting bagi menaikkan imej pengurusan zakat di mata masyarakat. Selain itu, hal ini juga akan merapatkan hubungan di antara masyarakat dengan institusi-institusi zakat negeri dan secara tidak langsung ia akan meningkatkan syiar Islam itu sendiri khususnya dari sudut ekonomi umat Islam. (Mohd Faisol Ibrahim, 2014). Senario yang berlaku ini, jelas membuktikan bahawa internet merupakan medium yang terpenting bagi memasarkan maklumat kepada pelanggan secara pantas dan terkini.

Urusan zakat pada era dunia tanpa sempadan amat jauh berbeza berbanding beberapa tahun yang lalu. Dengan kewujudan internet, semua urusan perniagaan, pengurusan sumber manusia termasuklah pengurusan zakat di Malaysia menjadi semakin rancak. Ini disebabkan oleh proses ledakan teknologi maklumat yang akhirnya telah mempengaruhi pengurusan organisasi mereka. Kemunculan internet pada tahun 1990-an serta perkembangan dalam pemprosesan dan penyimpanan data telah banyak mengubah persekitaran dan kepentingan penggunaan teknologi maklumat (ICT) dalam kalangan institusi dan masyarakat. Di samping itu, penggunaan sistem atas talian ini memberi kemudahan kepada pelanggan untuk mendapatkan perkhidmatan dan juga penyebaran maklumat secara lebih efisien, pantas dan yang paling utama menjimatkan masa. Malaysia telah memulakan beberapa langkah untuk memastikan teknologi maklumat (ICT) memainkan peranan penting dalam menyalurkan maklumat dan memudahkan perkhidmatan kepada umum (Mohsin 2006; Sohaimi 2003).

E-zakat adalah satu sistem zakat secara atas talian yang diperkenalkan oleh pertubuhan-pertubuhan zakat dengan tujuan menyediakan perkhidmatan zakat yang lebih baik kepada seluruh umat Islam di Malaysia. Sistem e-zakat ini menjadikan pengurusan zakat lebih cekap, mudah diakses serta melambangkan identiti institusi zakat yang lebih bertanggungjawab kepada semua masyarakat muslim khususnya. Menurut Syawal Kaslam (2009), e-zakat didapati telah muncul sebagai salah satu inisiatif kerajaan dalam mengintegrasikan aplikasi internet untuk membina sebuah institusi zakat yang moden dan berdaya saing. E-zakat akan menjadikan institusi zakat lebih cekap dan kos efektif, memudahkan perkhidmatan, membolehkan akses yang lebih meluas kepada maklumat zakat, dan membuat institusi zakat lebih bertanggungjawab kepada rakyat.

Terdapat banyak laman web untuk pembayaran zakat secara atas talian tetapi tiada untuk permohonan zakat, perkongsian maklumat, pengkalan data maklumat pemohon dan lain-lain lagi. Maka, objektif kajian ini adalah membina satu laman web yang mempunyai pengkalan data berkaitan permohonan zakat seperti rekod permohonan, maklumat peribadi, kalkulator kelayakan asnaf, penyebaran maklumat berkaitan zakat, pembangunan sistem zakat dan juga pengurusan zakat di Politeknik Ungku Omar, Perak.


2. Permasalahan Kajian

Terdapat banyak laman web pengurusan zakat insitituti-institusi di Malaysia sama ada di bawah Lembaga Zakat Negeri atau Unit Zakat institusi-institusi pengajian tinggi seperti Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan lain-lain lagi. Namun, kebanyakan sistem atas talian yang ada hanya berkaitan pembayaran zakat atau pemberitahuan maklumat serta fungsi muat turun borang permohonan. Laman web Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Rajah 1) contohnya, hanya mengandungi fungsi muat turun borang bantuan dan semakan status permohonan sahaja.




Rajah 1: Majlis Agama Islam Negeri Sembilan

Dalam sistem atas talian Zakat Pulau Pinang (Rajah 2) pula, hanya diletakkan maklumat berkaitan zakat sahaja. Manakala borang permohonan perlu diambil di kaunter Pusat Zakat Pulau Pinang.



Rajah 2: Sistem Zakat Pulau Pinang

Perkara yang sama dapat dilihat pada laman web Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak. Rajah 3 menunjukkan paparan laman web zakat bagi negeri Perak. Maklumat yang dipaparkan adalah hanya bagi mendapatkan borang bantuan sahaja. Antara contoh borang yang boleh didapati adalah borang zakat kecemasan seperti Rajah 4.



Rajah 3: Paparan Sistem Zakat Negeri Perak

Rajah 4: Contoh Borang Zakat Kecemasan

Contoh-contoh ini jelas menunjukkan bahawa kebanyakan laman web adalah berbentuk maklumat dan tiada fungsi permohonan secara atas talian. Pengguna masih perlu hadir ke kaunter untuk mendapatkan borang atau mengisi borang yang dimuat turun secara manual.

Objektif kajian ini adalah untuk membangunkan satu sistem pengurusan zakat secara atas talian yang berfungsi memudahkan proses permohonan zakat, pengurusan pengkalan data pemohon dan semakan status permohonan.

3. Metodologi Kajian

Metodologi yang digunakan bagi mencapai objektif kajian ini ada-lah dengan membangunkan satu projek perintis yang dinamakan sebagai Sistem e-Zakat Politeknik Ungku Omar atau e-Zakat PUO. Sistem ini dibangunkan untuk memudahkan permohonan zakat dan sebagai platform pemberitahuan secara atas talian. Rajah di bawah menunjukkan paparan utama laman web e-Zakat PUO.

3.1 Paparan Utama Laman Web E-Zakat PUO

Fungsi dalam Sistem e-Zakat PUO ini terbahagi kepada beberapa kategori iaitu pemohon, pegawai zakat, pemegang amanah kewangan dan pentadbir, seperti di Rajah 5. Setiap kategori mempunyai fungsi yang berbeza mengikut keperluan bidang masing-masing.



Rajah 5: Kategori Pemohon

Kategori Pemohon adalah merujuk kepada pelajar PUO yang membuat permohonan zakat. Pemohon perlu membuat pendaftaran, mengisi maklumat dan memuat naik dokumen-dokumen sokongan antaranya kad pengenalan pemohon, pengesahan pendapatan dan lain-lain. Rajah 6, Rajah 7 dan Rajah 8 di bawah menunjukkan paparan Kategori Pemohon.



Rajah 6: Paparan Kategori Pemohon

Rajah 7: Paparan Maklumat Yang Perlu Diisi Oleh Pemohon

Rajah 8: Paparan dokumen-dokumen yang perlu dimuat naik

Rajah 9 pula menunjukkan status permohonan yang mengan-dungi paparan tarikh, masa tempat temuduga dan keputusan sama berjaya atau sebaliknya. Melalui paparan ini, pemohon dapat mengetahui status mereka dan persediaan bagi tujuan temuduga.

STATUS PERMOHONAN DIS 2019				
Sila Cetak Maklumat Pelajar PDF Klik				
Status Permohonan Zakat	Tarikh	Masa	Tempat	Maklumat Lanjutan
Tidak Layak Menerima Zakat	-	-	-	Terima Kasih kerana Memohon Zakat

PERHATIAN: Pemohon yang mendapat status tidak layak menerima zakat, sila semak status dari semasa ke semasa kerana boleh berlaku perubahan status sehingga tarikh temuduga ditetapkan.
Pastikan dokumen tersebut lengkap disahkan dan dikepil kemas

Rajah 9: Paparan Status Permohonan

3.2 Kategori Pegawai Zakat

Kategori Pegawai Zakat pula adalah merujuk kepada pegawai zakat yang menguruskan permohonan yang dibuat oleh pelajar. Melalui fungsi ini, pegawai zakat dapat melihat semua permohonan dan maklumat pemohon. Selain itu, fungsi ini juga membolehkan pegawai zakat membuat permohonan khas untuk mendapatkan pe-runtukan kecemasan bagi pihak asnaf tertentu serta mengemaskini had kifayah pengiraan zakat yang telah ditetapkan. Rajah 10 dan Rajah 11 menunjukkan paparan Kategori Pegawai Zakat.

Rajah 10: Paparan Kategori Pegawai Zakat

SENARAI PEMOHON ZAKAT SESI DIS 2020									
JKA									
Cetak Senarai Nama Pemohon									
Cari menggunakan ID...									
#	ID Pemohon	Nama Pemohon	Kelas	No Tel	Status	Dokumen	Maklumat	Pengiraan	Action
1	01DSB19F1060	NUR AINA IZZATI BINTI AZHAR YAP	DSB4B	01137162515	LAYAK MENERIMA ZAKAT	Klik	Klik	-242.45	-
2	01DGU18F2021	NUR SYAHIRA SYAHIRAN	DGU5A	0182214106	LAYAK MENERIMA ZAKAT	Klik	Klik	-61.8	-
3	01DGU18F2021	NUR SYAHIRA SYAHIRAN	DGU5A	0182214106	LAYAK MENERIMA ZAKAT	Klik	Klik	-61.8	-
4	01DGU20F1063	MUHAMMAD AZIM BIN MOHD HASMI	DGU 2C	0195991068	LAYAK MENERIMA ZAKAT	Klik	Klik	755.9	-
5	01DGU19F2002	NORHANANI BINTI ABDUL RAZAK	DGU3A	0182421628	TIDAK LAYAK MENERIMA ZAKAT	Klik	Klik	-3166.15	
6	01DKA18F1079	NURUL NABILA BINTI SAAD	4C	0163508508	LAYAK MENERIMA ZAKAT	Klik	Klik	108.7	
7	01DKA18F1076	MUHAMMAD HAZIM BIN SYFULL HAFEZ	DKA5C	0199839935	TIDAK LAYAK MENERIMA ZAKAT	Klik	Klik	-385.62	


Rajah 11: Paparan maklumat permohonan zakat

Pegawai Zakat boleh melihat segala maklumat pemohon dan juga dokumen-dokumen yang telah dimuat naik oleh pemohon zakat. Rajah 12 pula menunjukkan paparan Senarai Nama Pemohon yang telah melalui proses temuduga dan berjaya mendapat bantuan zakat.

SENARAI PENERIMA ZAKAT SESI DIS 2020									
JKA									
Cetak Senarai Pemohon Menerima Zakat									
Cari ID...									
Pemohon	Nama Pemohon	IC Pemohon	Kelas	No Tel	Bank	Bank Acc	Pengiraan	RM	Maklumat Lanjut
SB19F1060	NUR AINA IZZATI BINTI AZHAR YAP	010823020766	DSB4B	01137162515	BANK ISLAM	07052024544128	-242.45	350	Klik
GU18F2021	NUR SYAHIRA SYAHIRAN	000929080792	DGU5A	0182214106	CIMB	7631431351	-61.8	350	Klik
GU18F2021	NUR SYAHIRA SYAHIRAN	000929080792	DGU5A	0182214106	CIMB	7631431351	-61.8	350	Klik
GU20F1063	MUHAMMAD AZIM BIN MOHD HASMI	020630031257	DGU 2C	0195991068	BANK ISLAM	03036022614837	755.9	800	Klik

Rajah 12: Paparan Penerima Zakat

4. Analisis Kajian



Rajah 13: Kajian Keberkesanan Sistem E-Zakat PUO

Rajah 13 menunjukkan kajian keberkesanan sistem e-zakat PUO secara dalam bentuk graf manakala Jadual 1 pula menunjukkan kajian peratusan keberkesanan di dalam bentuk jadual.

Jadual 1: Peratusan Keputusan Soal Selidik Pelajar

Kenyataan	Peratus %	
	Setuju	Tidak Setuju
Sistem e-Zakat PUO ini memudahkan pelajar untuk memohon zakat	92.9	7.1
Bersifat mesra pengguna	96.4	3.6
Memudahkan pelajar mengakses ke laman web lebih cepat berbanding sistem dahulu	96.4	3.6
Arahan manual pengguna jelas	96.4	3.6
Pengiraan kalkulator ezakat lebih jelas	94.6	5.4
Semakan status Permohonan dan kelayakan yang pantas	94.6	5.4
Menjimatkan masa penghantaran borang	94.6	5.4
Pada pendapat saya,sistem e-zakat ini perlu dikekalkan sehingga ke masa akan datang	94.6	5.4

Hasil tinjauan ke atas 56 orang responden yang terdiri daripada pelajar PUO yang menggunakan sistem ini, didapati 96.4% ber-setuju bahawa Sistem e-Zakat PUO bersifat mesra pengguna, pelajar dapat mengakses ke laman web dengan lebih cepat dan arahan manual pengguna yang diberikan adalah sangat jelas. Sebanyak 92.9% responden bersetuju bahawa sistem ini memudahkan pelajar untuk membuat permohonan zakat.

Seterusnya, 94.6% bersetuju bahawa pengiraan kalkulator e-Zakat yang disediakan adalah lebih jelas, semakan status permohonan dan kelayakan zakat dapat dibuat dengan cepat dan mudah. Selain itu, responden juga bersetuju bahawa Sistem e-Zakat PUO ini menjimatkan masa penghantaran borang dan 96.4% responden juga bersetuju bahawa sistem ini perlu dikekalkan sehingga ke masa akan datang.

Walau bagaimanapun, terdapat sebanyak 7.1 % responden tidak bersetuju bahawa Sistem e-Zakat PUO ini memudahkan mereka untuk memohon zakat. Ini kerana terdapat segelintir pelajar yang lebih suka kepada kaedah manual dan ada juga sebilangan pelajar mempunyai kemudahan akses internet yang terhad. Di samping itu, sebanyak 5.4 % pelajar tidak bersetuju dengan keberkesanan sistem ini. Ini kerana terdapat pelajar yang tidak memahami dengan jelas arahan yang diberikan dalam sistem. Kebanyakan pelajar mencuba nasib memohon zakat untuk kepentingan diri sendiri sedangkan mengikut kiraan, pelajar tersebut tidak layak untuk menerima zakat.

Secara keseluruhannya, sistem ini memudahkan pelajar-pelajar untuk memohon zakat bagi meneruskan pembelajaran di peringkat yang lebih tinggi. Usaha pembangunan sistem ini adalah untuk membantu kebajikan pelajar-pelajar bagi menjamin usaha pelajar meneruskan pembelajaran walaupun mengalami kesempitan dan kesusahan hidup.

5. Kesimpulan

Daripada data-data di atas, jelas menunjukkan bahawa sistem permohonan zakat secara talian amat penting untuk dibangunkan. Sistem seperti ini bukan sahaja boleh menjimatkan masa bahkan memudahkan pemohon dan semua peringkat pegawai yang terlibat dalam pengurusan zakat. Semoga Sistem e-Zakat PUO ini akan terus berkembang seiring dengan berkembangnya teknologi maklumat dan komunikasi kini sekaligus menaikkan imej pengurusan zakat yang efisien dan terkehadapan.

Rujukan

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat

Mohd Faisol Ibrahim 2014. Sistem Pengurusan Zakat di Malaysia: Analisis Strategi Penyebaran Maklumat Menerusi Laman Sesawang. Jurnal Pengurusan 42(2014) 119-130

Mohsin Hj. Ahmad. 2006. Implementation of elec-tronic government in Malaysia: The status and poten-tial for better service to public. Public Sector ICT Management Review 1(1): 2-10.

Sohaimi Md Salleh. 2003. The Multimedia Super Corridor (MSC) and E-Government Initiatives in Malaysia. Paper presented at the Third ITU Waseda University

Workshop for Regulators and Policy Makers held in conjunction with the World Summit on E- Government organized by GITI, 27-30 October, Waseda University, Tokyo.

Shawal Kaslam. 2009. The Advancement of e-Zakat for Delivering Better Quality Service and Enhancing Governance Sphere of Zakat Institution in Malaysia. Paper prepared for presentation at the World Zakat Forum organized by BAZNAS, 27-30 Mei, University Gajah Mada Yogyakarta, Indonesia.

Web Rasmi Zakat Negeri Sembilan (2020). <http://www.mains.gov.my>

Web Rasmi Zakat Pulau Pinang (2020). <http://www.zakatpenang.com>

Web Rasmi Zakat Perak (2020). <https://www.maiamp.gov.my>